

Kuala Lumpur: Penderitaan penduduk Gaza terus mendapat perhatian apabila Telekom Malaysia Berhad (TM) menyampaikan sumbangan berjumlah RM300,000 kepada tiga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Tabung Kemanusiaan Palestin-Media Prima Berhad, Aman Palestin dan Aqsa Syarif, semalam.

Sumbangan diserahkan Pengurus TM Datuk Seri Dr Halim Shafie kepada Pensiasih Tanggungjawab Sosial Korporat Kumpulan Media Prima Datuk Ahmad A Talib, Ketua Pegawai Eksekutif Aman Palestin Awang Suffian Awang Piut dan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Aqsa Syarif Dr Tahir Abd Rahman disaksikan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan TM Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa.

Halim berkata, sumbangan itu dikumpulkan melalui tabung khas Tabung Save 4Gaza yang dibuka hampir sebulan sejak pelancarannya pada 20 Ogos hingga 16 September lalu dan menerima sumbangan daripada warga TM seluruh negara termasuk anak syarikat TM dengan jumlah terkumpul sebanyak RM300,000.

“Saya amat berbesar hati dapat mewakili lebih 27,000 anggota TM di seluruh negara bagi menyerahkan sumbangan ini kepada tiga NGO terbabit. Kami amat tersentuh dengan tragedi



TM hulur RM300,000 untuk Gaza

yang berlaku di Gaza dan rasa simpati ini buat rakyat Palestin.

“Jumlahnya mungkin tidak seberapa berbanding kos untuk membangunkan semula Gaza, namun kami berharap sedikit sebanyak sumbangan ini dapat meringankan bebanan mereka di samping mengutuk kekejam terhadap saudara kita di sana,” katanya pada sidang media di Menara TM di sini, semalam.

Dalam pada itu, Aqsa Syarif menerusi kempen Rumah

Untuk Gaza bagi membina semula rumah penduduk Gaza yang musnah dalam serangan Israel, baru-baru ini menyeru orang ramai menghulurkan

bantuan bagi mendirikan rumah kabin untuk pelarian Gaza yang kehilangan tempat tinggal.

Dr Tahir berkata, sebanyak 2,456 rumah penduduk musnah sepenuhnya manakala 14,667 rumah lagi musnah teruk dan tidak boleh diduduki akibat serangan berkenaan.

“Sehingga kini, rakyat Palestin yang kehilangan tem-

pat tinggal terpaksa berte- duh di rumah saudara-mara atau di khemah pelarian. Justeru, Aqsa Syarif dengan kerjasama Malaysian Society for Engineering and Technology (MySET) Universiti Putra Malaysia (UPM) mewujudkan kempen Rumah Untuk Gaza bagi mengumpul dana membina rumah kabin sementara untuk setiap keluarga lebih-lebih lagi mereka dijangka terpaksa berdepan musim sejuk bulan depan.

“Bagi setiap rumah kabin yang dibina menelan kos RM6,500 dan kita amat mengharapkan orang ramai dapat memberikan sumbangan untuk mendirikan le-

bih 17,000 rumah kabin untuk setiap keluarga yang kehilangan tempat kediaman mereka,” katanya.

Orang ramai atau mana-mana pihak yang mahu mendapat maklumat lanjut mengenai kempen itu boleh menghubungi MySET UPM di talian 019-3397566.

